



***Kempen Alliance Bank Time2Win -  
Promosi Rujukan***

***Terma dan Syarat***

1. “Kempen Alliance Bank Time2Win - Tawaran Rujukan” (“**Promosi**”) dianjurkan oleh Alliance Bank Malaysia Berhad dan Alliance Islamic Bank Berhad (“**Bank**”) dan bermula dari **15 Januari 2025 hingga 31 Mac 2025**; termasuk kedua-dua tarikh tersebut, kecuali dinyatakan sebaliknya (“**Tempoh Promosi**”).
2. Dengan menyertai Promosi ini, Perujuk Yang Layak (sebagaimana yang ditakrifkan di bawah ini) telah membaca dengan teliti dan memahami sepenuhnya segala Terma dan Syarat Promosi yang terkandung di sini dan bersetuju sepenuhnya untuk terikat oleh dan menerima segala Terma dan Syarat Promosi ini.
3. Bank berhak pada bila-bila masa untuk menukar tempoh dan/atau tarikh permulaan dan/atau tarikh tamat Tempoh Promosi ini dengan memberikan notis terlebih dahulu melalui laman web rasmi Bank.
4. Pelanggan baharu dan sedia ada yang memenuhi syarat yang ditetapkan di sini akan dirujuk secara kolektif sebagai “**Perujuk Yang Layak**”. Walaupun memenuhi yang tersebut di atas, individu berikut TIDAK layak untuk mengambil bahagian dalam Promosi ini:
  - a. Pelanggan yang mempunyai akaun dengan Bank yang dorman atau tidak aktif atau yang telah melanggar sebarang perjanjian dengan Bank, atau
  - b. Pelanggan yang mempunyai akaun dengan Bank yang menurut dasar dalam Bank tidak dikendalikan dengan memuaskan, atau
  - c. Mana-mana individu yang dikecualikan oleh Bank mengikut dasar dalamannya, atau
  - d. Individu yang tak solven atau yang telah dihukum bankrap; atau
  - e. Entiti bukan individu termasuk tetapi tidak terhad kepada syarikat pemilikan tunggal, perkongsian, organisasi/pertubuhan kebajikan/bukan untung, pelanggan korporat dan komersial, syarikat tersenarai awam dan sendirian berhad, kelab, persatuan dan koperasi.
  - f. Pekerja tetap dan/atau kontrak Alliance Bank (termasuk subsidiarinya dan syarikat yang berkaitan) tidak layak untuk mengambil bahagian; atau
5. Untuk melayakkan diri menyertai Promosi ini, Perujuk Yang Layak mestilah memastikan bahawa syarat berikut dipenuhi oleh individu yang berpotensi menjadi pelanggan (“**Pihak Dirujuk Yang Layak**”).
  - (i) Dalam Tempoh Promosi, Perujuk Yang Layak mesti memperkenalkan atau merujuk Pihak Dirujuk Yang Layak untuk membuka Akaun Alliance SavePlus/-i (“**Akaun Yang Layak**”) dengan melengkapkan borang rujukan dalam talian atau hantar pautan/kod rujukan kepada Perujuk Yang Layak. Sebelum Pihak Dirujuk Yang Layak boleh memulakan proses pembukaan akaun, borang rujukan perlu diserahkan atau Pihak Dirujuk Yang Layak perlu membuka Akaun Yang Layak dengan menggunakan kod rujukan yang dikongsi oleh Perujuk Yang Layak. Borang rujukan boleh didapati di <https://www.alliancebank.com.my/promotions/banking/saveplus-time2win-promotion>.
  - (ii) Adalah menjadi tanggungjawab Perujuk Yang Layak untuk memastikan bahawa maklumat (Nama seperti dalam Kad Pengenalan, Nombor Kad Pengenalan, Nombor Telefon Bimbit) yang diberikan dalam borang rujukan dalam talian tersebut adalah betul. Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan rujukan tidak sah dan Pulangan Tunai Promosi tidak akan diberikan.
  - (iii) **Rujukan Yang Layak** (ditakrifkan sebagai petunjuk pelanggan baharu yang telah dirujuk oleh Perujuk Yang Layak di bawah Promosi) akan ditandakan kepada Perujuk Yang Layak dan akan diberi ganjaran hanya sekiranya Pihak Dirujuk Yang Layak memulakan proses pembukaan Akaun Yang Layak melalui **app mudah alih allianceonline** (AOM) – proses Kenali Pelanggan Anda secara elektronik (“e-KYC”) dan berjaya membuka Akaun Yang Layak semasa Tempoh Promosi menggunakan nombor telefon bimbit yang sama sebagaimana yang diberikan oleh Perujuk Yang Layak dalam borang rujukan atau gunakan kod rujukan yang dikongsi oleh Perujuk Yang Layak. Akaun Yang Layak perlu diaktifkan dengan deposit minimum sebanyak RM500 yang perlu dikekalkan dalam akaun sehingga tamat bulan pembukaan akaun tersebut.
  - (iv) Pihak Dirujuk Yang Layak mestilah merupakan pelanggan Bank yang baharu atau pelanggan sedia ada berumur 18 tahun ke atas dan tidak mempunyai Akaun Semasa/Simpanan/-i (“CASA/-i”)

termasuklah Akaun SaveLink, Dagangan Saham dan Pembiayaan Margin Saham dengan Bank **dalam tempoh dua belas (12) bulan yang lalu sebelum tarikh permulaan Tempoh Promosi.**

- (v) Pihak Dirujuk Yang Layak perlu membuka Akaun Yang Layak atas namanya sendiri sebagai pemegang akaun utama.
- (vi) Perujuk Yang Layak mestilah merupakan pemegang akaun utama yang mempunyai CASA-i yang sah dan aktif dengan Bank sebelum merujuk Pihak Dirujuk Yang Layak bagi membuka Akaun Yang Layak.
- (vii) Rujukan Yang Layak akan dianggap sebagai rujukan tidak sah sekiranya Pihak Dirujuk Yang Layak telah memasukkan kod pelawaan untuk mengambil bahagian dalam promosi lain yang diadakan oleh Bank atau merupakan pelanggan Pembayaran Gaji di bawah Alliance@Work.

6. Pihak Dirujuk Yang Layak yang memenuhi syarat di atas dianggap sebagai satu (1) rujukan yang berjaya ("**Rujukan yang Berjaya**") oleh Perujuk Yang Layak. Tiada had bagi jumlah Pulangan Tunai Promosi yang dapat diperolehi oleh Perujuk Yang Layak.

7. Rujukan yang Berjaya tersebut layak memperoleh Pulangan Tunai Promosi sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual di bawah:

<b>Kriteria</b>	<b>"Pulangan Tunai Promosi"</b>
Setiap rujukan yang berjaya	RM30 Pulangan Tunai Rujukan

8. Pihak Dirujuk Yang Layak akan layak untuk Pulangan Tunai Promosi ini jika Pihak Dirujuk Yang Layak memenuhi Terma dan Syarat seperti yang ditetapkan di <https://www.alliancebank.com.my/Alliance/media/Documents/Promotion/time2win-campaign-TC-BM.pdf>.

9. Promosi ini tidak membenarkan Perujuk Yang Layak merujuk diri mereka sendiri. Tambahan pula, jika Bank menerima borang rujukan daripada Perujuk Yang Layak dan Pihak Dirujuk Yang Layak, Bank akan memberi ganjaran kepada Perujuk Yang Layak yang mempunyai Akaun Semasa atau Simpanan yang sah dengan Bank sebelum penyerahan rujukan.

10. Untuk layak menyertai Promosi ini, Perujuk Yang Layak mesti melengkapkan borang rujukan di <https://www.alliancebank.com.my/promotions/banking/saveplus-time2win-promotion#referform> untuk setiap rujukan atau hantar pautan/kod rujukan kepada Perujuk Yang Layak. Jika Perujuk Yang Layak tidak mematuhi Syarat dan Terma Promosi, mereka akan hilang kelayakan daripada menerima Pulangan Tunai Promosi. Perujuk Yang Layak boleh menyerahkan sehingga tiga (3) rujukan pada satu masa.

11. Jika terdapat beberapa penyerahan butir-butir Rujukan Yang Layak yang sama diterima, Pulangan Tunai Promosi akan diberikan kepada Perujuk Yang Layak pertama yang menyerahkan rujukan kepada Bank.

12. Adalah menjadi tanggungjawab Perujuk Yang Layak untuk mendapatkan kebenaran daripada Pihak Dirujuk Yang Layak dan individu tersebut telah bersetuju untuk menerima komunikasi pemasaran langsung berkenaan produk dan perkhidmatan Bank yang berkaitan dengan Promosi ini.

13. CASA-i Perujuk Yang Layak dan Pihak Dirujuk Yang Layak mestilah sah dan aktif sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank mengikut dasar dalaman Bank dan mestilah TIDAK melanggar mana-mana polisi Bank pada setiap masa. Sekiranya Perujuk Yang Layak tidak mempunyai CASA-i yang sah dan aktif, adalah menjadi tanggungjawab Perujuk Yang Layak untuk membuka akaun CASA-i sebelum Pihak Dirujuk Yang Layak menyempurnakan proses pembukaan akaun. Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan rujukan menjadi tidak sah dan Pulangan Tunai Promosi tidak akan diberikan.

14. Keputusan Bank berdasarkan rekod penyerahan borang dan tarikh permohonan adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan.
15. Penunaian Pulangan Tunai Promosi akan dilaksanakan dalam tempoh lapan (8) minggu selepas bulan pembukaan akaun.
16. Bagi Perujuk Yang Layak yang memegang akaun secara bersama dengan pihak lain, semua akaun tersebut hendaklah dianggap sebagai satu akaun tunggal sahaja berdasarkan nama pemegang akaun utama. Sekiranya pemegang akaun bersama, Pulangan Tunai Promosi hendaklah diberikan kepada pemegang akaun utama sahaja.
17. Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang tuntutan yang tidak dikreditkan dalam tempoh penunaian kerana borang pendaftaran tidak diserahkan atau maklumat yang diberikan salah atau tidak lengkap. Adalah menjadi tanggungjawab Perujuk Yang Layak untuk memastikan bahawa maklumat yang betul diberikan untuk pemprosesan tuntutan. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang kesesakan trafik atau ketidakbolehcapaian internet.
18. Bank berhak untuk menyingkirkan mana-mana Perujuk Yang Layak atau membatalkan Pulangan Tunai Promosi sekiranya terdapat transaksi yang melibatkan penipuan atau dibuat tanpa kebenaran atau berlaku pembalikan transaksi, atau pelanggaran atau kemungkinan pelanggaran Terma dan Syarat Promosi ini menurut dasar dalaman Bank.
19. Sekiranya Perujuk Yang Layak atau Pihak Dirujuk Yang Layak mengambil bahagian dalam beberapa kempen atau promosi pada masa yang sama, Perujuk Yang Layak atau Pihak Dirujuk Yang Layak hanya layak untuk menerima pulangan tunai atau ganjaran di bawah satu kempen atau promosi sahaja. Bank berhak untuk menentukan kempen atau promosi mana yang terpakai untuk Perujuk Yang Layak atau Pihak Dirujuk Yang Layak berkenaan.
20. Segala keputusan yang dibuat oleh Bank berhubung dengan Promosi ini adalah muktamad dan tidak dapat dipertikaikan dan sebarang rayuan, surat-menyurat atau bantahan tidak akan dipertimbangkan.
21. Bank berhak pada bila-bila masa untuk menambah, mengeluarkan, mengubah dan/atau meminda Terma dan Syarat Promosi, sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya, menurut dasar dalaman Bank, dengan memberikan notis terlebih dahulu, dan apabila Perujuk Yang Layak menyertai Promosi ini mereka telah bersetuju dan menerima sepenuhnya penambahan, pengeluaran, perubahan dan/atau pindaan tersebut ("**Pelanggan Yang Layak**"). Untuk mendapatkan versi Terma dan Syarat Promosi yang terkini, sila layari [www.alliancebank.com.my](http://www.alliancebank.com.my) dari semasa ke semasa. Sekiranya terdapat sebarang maklumat yang tidak konsisten antara Terma dan Syarat Promosi yang terkandung di sini dan versi yang dikemas kini, versi terkini akan mengatasi yang sebelumnya tetapi hanya setakat bahagian yang tidak konsisten tersebut.
22. Dengan menyertai Promosi ini, Perujuk Yang Layak telah menerima dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat Promosi yang terkandung di sini termasuklah sebarang pindaan atau perubahan terhadapnya dengan notis yang diberikan terlebih dahulu dan menerimanya sepenuhnya. Terma dan Syarat Promosi ini serta keputusan Bank mengenai segala perkara yang berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad dan mengikat Perujuk Yang Layak dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan berhubung dengannya tidak akan dipertimbangkan.
23. Terma dan Syarat Promosi ini merupakan tambahan kepada Terma dan Syarat sedia ada yang mentadbir CASA-i Perujuk yang Layak yang dikendalikan oleh Bank ("**Terma Sedia Ada**").
24. Bank berhak menamatkan Promosi ini sekiranya terdapat transaksi yang melibatkan penipuan atau dibuat tanpa kebenaran atau berlaku pembalikan transaksi, dengan memberikan notis terlebih dahulu.

25. *Segala pembatalan, penamatan, penggantungan atau pelanjutan Tempoh Promosi ini tidak akan melayakkan Perujuk Yang Layak untuk membuat sebarang tuntutan atau mendapatkan pampasan dari Bank atau bagi sebarang dan segala kerugian atau kerosakan yang ditanggung oleh Perujuk Yang Layak yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh tindakan pembatalan, penamatan, penggantungan atau pelanjutan tersebut.*
26. *Bank tidak akan bertanggungjawab atau tidak akan menanggung sebarang jenis liabiliti yang timbul atau yang dialami oleh Perujuk Yang Layak yang berpunca secara langsung atau tidak langsung dari Promosi ini.*
27. *Perujuk Yang Layak bertanggungjawab atas segala cukai, kadar, fi kerajaan atau sebarang caj lain yang mungkin dikenakan kepada mereka menurut undang-undang yang berkenaan, sekiranya ada, berhubung dengan Promosi ini.*
28. *Segala Terma dan Syarat Promosi termasuklah sebarang penambahan, pengeluaran, perubahan dan/atau pindaan yang dibuat terhadapnya dari semasa ke semasa adalah ditadbir oleh dan diertikan menurut undang-undang Malaysia dan melainkan dipersetujui sebaliknya oleh Bank, Pelanggan Yang Layak dengan ini bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa eksklusif mahkamah kompeten di Malaysia.*
29. *Pelanggan Yang Layak dengan ini memberikan persetujuan yang jelas dan tidak boleh ditarik balik dan membenarkan Bank menggunakan, menerbitkan dan/atau memaparkan nama, sebarang gambar yang diambil, sebarang video yang dirakam dan/atau maklumat lain untuk tujuan pengiklanan dan/atau promosi yang terhad kepada Promosi ini sahaja, tanpa sebarang pampasan kepada Pelanggan Yang Layak.*
30. *Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan Yang Layak bersetuju bahawa mereka telah membaca Penyata Prinsip Notis dan Pilihan yang terdapat di laman web Bank (<https://www.alliancebank.com.my/Alliance/media/Pdf/Personal%20Data%20Protection%20Act%202010/NCP-for-website-ENG.pdf>) dan dengan ini memberi persetujuan dan kebenaran kepada Bank untuk mendedahkan butiran mereka kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang digunakan perkhidmatannya oleh Bank bagi tujuan Promosi ini.*
31. *Bank telah melaksanakan dan mengekalkan dasar dan prosedur yang dirangka untuk mencegah rasuah dan penyelewengan oleh Bank dan pengarah, pegawai, atau kakitangannya; dan setakat pengetahuan Bank, Bank atau mana-mana pengarah, pegawai, atau kakitangan Bank tidak terlibat dalam sebarang aktiviti atau perbuatan yang melanggar sebarang undang-undang atau peraturan antirasuah dan antipenyelewengan yang perlu dipatuhi oleh Bank. Bank tidak pernah, dan berjanji tidak akan, merujuk kepada pengendalian kegiatan perniagaan, berjanji, membenarkan, mengesahkan atau menawarkan untuk melaksanakan, atau membuat sebarang tindakan untuk memberikan sebarang bayaran, sumbangan, Pulangan Tunai, pembayaran balik atau lain-lain pemindahan apa-apa yang bernilai, atau sebarang pengumpunan, secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana individu.*
32. *Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan Yang Layak dengan ini mengakui bahawa mereka telah dimaklumkan mengenai ringkasan dasar antirasuah dan antipenyelewengan Bank yang terdapat di <https://www.alliancebank.com.my/Anti-Bribery-and-Corruption-Summary-of-Policy> dan selanjutnya berjanji/mengaku janji bahawa mereka tidak akan terlibat dengan amalan penyelewengan dalam apa cara sekalipun, sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pengarah, pegawai atau kakitangan Bank.*

### **Pencegahan dan Pengurangan Penipuan dalam Kewangan dan Perbankan Kewangan**

33. *Pihak Bank mungkin dari semasa ke semasa menyediakan maklumat atau kandungan terkini untuk mendidik dan mewujudkan kesedaran kepada Pelanggan Yang Layak mengenai langkah-langkah pencegahan dan pengurangan risiko terhadap penipuan perbankan. Ini adalah tertakluk tetapi tidak terhad kepada tip keselamatan, kemas kini terhadap perisian/ sistem pengendalian/ aplikasi/ versi*

*baharu, dan keperluan peraturan terpakai dari badan-badan pengawalseliaan.*

34. *Pelanggan Yang Layak hendaklah memastikan kesemua instrumen perbankan contohnya buku cek/helaian cek, token keselamatan, kad debit, PIN perbankan telefon, bukti kelayakan log masuk perbankan internet dan mudah alih, dan kod kebenaran transaksi (TAC) adalah berada dalam jagaan selamat. Jika Pelanggan Yang Layak menyedari berlaku mana-mana urusan niaga atau akses seperti yang disenaraikan di atas adalah didapati hilang atau tidak dibenarkan, Pelanggan Yang Layak mestilah dengan serta-merta melaporkannya kepada pihak Bank. Pelanggan Yang Layak tidak akan bertanggungjawab atas kerugian yang timbul berikutan daripada urusan niaga yang tidak dibenarkan setelah didapati Pelanggan Yang Layak telah memaklumkan kepada pihak Bank menurut Terma dan Syarat ini sekiranya terdapat sebarang kehilangan, disalahgunakan, dicuri, terjejas atau di langgar terhadap mana-mana instrumen perbankan Pelanggan seperti yang tertera di atas.*
35. *Jika terdapat apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan Yang Layak adalah semata-mata disebabkan oleh kelalaian sengaja oleh pihak Bank, pihak Bank secara tunggal atau keseluruhan liabiliti (berkenaan dengan satu atau lebih daripada satu tuntutan) kepada Pelanggan Yang Layak sama ada dalam bentuk kontrak atau tort tidak melebihi jumlah amaun transaksi terhadap tuntutan atau apa-apa tuntutan atau ganti rugi yang di alami, yang mana lebih rendah. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kerugian perniagaan, kerugian keuntungan, pendapatan atau nama baik, kehilangan data, secara tidak langsung, kerugian turutan, khas atau luar jangka, liabiliti, tuntutan, kerugian, perbelanjaan, pembayaran, anugerah, penalti, prosiding dan kos tanpa mengambil kira sama ada kerugian atau ganti rugi tersebut berkemungkinan telah didedahkan, atau telah diramalkan secara munasabah oleh pihak Bank.*
36. *Apabila sesuatu kejadian telah dimaklumkan oleh Pelanggan Yang Layak, pihak Bank akan melaksanakan penyiasatan dan Pelanggan Yang Layak di minta untuk menyediakan maklumat yang mencukupi dan bekerjasama untuk memudahkan penyiasatan. Pihak Bank diberikan kuasa untuk menjalankan pengesanan ke atas pencegahan dan pengurangan penipuan perbankan seperti langkah-langkah berikut (dengan/tanpa kebenaran daripada Pelanggan) semasa pihak Bank menjalankan penyiasatan:*
- i) Menggantung atau membekukan akaun yang terjejas;*
  - ii) Menarik balik atau membatalkan perkhidmatan yang boleh diakses oleh Pelanggan Yang Layak melalui Internet atau perkhidmatan perbankan mudah alih; dan/atau*
  - iii) Menarik balik kesahan semua instrumen perbankan;*

*dan Pelanggan Yang Layak akan dimaklumkan setelah kesemua perkara diatas telah dikendalikan.*

**Nota:**

*Akaun Alliance SavePlus/-i dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit di setiap bank.*

*Akaun Alliance SavePlus-i adalah berasaskan konsep Syariah Tawarruq.*